

Asia perlu pengaruhi pemikiran globalisasi

UM - 5 FEB 2002

Daripada OTHMAN MOHAMAD

NEW YORK 4 Feb. — Asia berdepan dengan cabaran untuk mempengaruhi pemikiran tentang globalisasi dan membentuknya semula bagi memastikan ia tidak mendatangkan masalah sehingga memusnahkan pelbagai ekonomi serta negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ia menjadi tugas penting kerana pengalaman Asia mengenai globalisasi yang diketengahkan oleh negara-negara kaya di Barat bukanlah jawapan kepada masalah ekonomi atau 'vitamin untuk pertumbuhan ekonomi.'

Globalisasi bukan sekadar aliran bebas modal semata-mata dan membiarkan pasaran menentukan segala-galanya, kata beliau ketika berucap pada majlis makan malam Rangkaian Kerja Asia, Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini malam tadi.

Dr. Mahathir mengulangi pendirian Malaysia iaitu globalisasi boleh wujud tetapi ia perlulah berupa globalisasi yang terkawal.

"Globalisasi yang terkawal masih sesuai dengan idea globalisasi," kata beliau.

Oleh itu, katanya, tiada siapa yang menyatakan konsep globalisasi sekarang tidak boleh diubah malah jika perlu, ia dilakukan secara radikal, bagi mengurangkan bahaya kepada mereka yang menerima pakai konsep itu serta mengamalkannya.

"Perdagangan bebas tidak sinonim dengan globalisasi. Jika kita perlu menjalankan perniagaan yang boleh mendatangkan faedah daripada globalisasi, mengapa tidak?" kata Dr. Mahathir yang menyampaikan ucapan bertajuk "Globalisasi: Cabaran dan kesan ke atas Asia."

Perdana Menteri menegaskan bahawa ca-



baran bagi Asia sekarang bukanlah bagaimana untuk menguruskan konsep globalisasi yang ada sekarang agar ia berfungsi dan mendatangkan manfaat.

"Cabaran bagi Asia ialah mempengaruhi pemikiran mengenai globalisasi, membentuknya semula, mengurangkan kemungkinan-kemungkinan ia mendatangkan kucar-kacir dan memusnahkan ekonomi-ekonomi dan negara-negara."

Beliau menjelaskan bahawa krisis kewangan Asia Timur dahulu adalah kerana aliran keluar modal yang bebas, yang bermula dengan manipulasi menurunkan nilai mata wang di negara-negara di rantau tersebut.

Katanya, pasaran merudum menyebabkan pula peningkatan pinjaman tidak berbayar, jumlah kebangkrapan yang banyak sehingga menjejaskan sistem perbankan.

Oleh kerana ekonomi yang buruk, kerajaan perlu meminjam daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dan ia hanya akan disalurkan jika kerajaan menyerahkan pengurusan ekonomi kepada IMF serta membenarkan gergasi perniagaan asing mengambil

alih perniagaan tempatan.

"Kita telah melihat banyak negara musnah kerana wang yang dipinjam daripada IMF digunakan semata-mata untuk membayar pinjaman luar dan tiada apa lagi yang tinggal untuk rakyat.

"Apa yang berlaku di Asia Timur itu bukannya manifestasi daripada globalisasi atau pun tidak? Tentunya ya," kata Dr. Mahathir.

Pada sudut pandangan negara-negara lemah berkaitan globalisasi, mereka tidak lagi boleh bersuara berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan peraturan, undang-undang serta dasar-dasar tertentu walaupun ia masih wujud.

Namun Barat memberitahu negara-negara miskin bahawa mereka boleh menikmati faedah daripada aliran modal yang masuk ke negara mereka.

"Tetapi mereka tidak pula ditekankan bahawa modal yang sama boleh dibawa keluar dan apabila ia berlaku, negara mereka boleh muflis," jelasnya lagi.

Merujuk kepada kejatuhan syarikat gergasi Amerika Syarikat Enron serta LTCM pula, Dr. Mahathir mengingatkan menjadi besar penting tetapi lagi besar sesuatu syarikat, apabila ia merudum, akan mengheret sama pihak-pihak lain.

Tegas Dr. Mahathir, selagi pengertian sekarang mengenai globalisasi yang ditujukan kepada Asia tidak diperbetulkan, selagi itulah kesannya tidak akan menjanjikan sebarang kemajuan kepada rantau itu.

"Malahan, dunia nampaknya gagal untuk pulih jika usaha memulihkan ekonomi selepas tragedi 11 September, kita terus memaksa globalisasi aliran modal digunakan di seluruh dunia," katanya. — *Utusan*